



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**  
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

25.02.2022

*MSWG bekerjasama dengan Kelab 30% Malaysia dalam program bual bicara yang membincangkan tentang Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Rangkuman (Diversity, Equity and Inclusion, DEI).*

*Ini selaras dengan saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code on Corporate Governance, MCCG) 2021 yang menyatakan bahawa lembaga pengarah perlu dianggotai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita, serta Syarat Penyenaian yang menyatakan syarikat awam tersenarai (PLC) perlu melantik sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita.*

*Program bual bicara yang bertajuk "DEI Conversations: Elevating Investability" ini akan diadakan pada 2 Mac 2022. Sila akses <https://maybank.my/30percentclub> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.*

**❖ Kinilah masanya: Pihak berkepentingan dalam pasaran modal tidak boleh menanggunguhkan penerapan prinsip ESG**

Baru-baru ini, pengerusi Bursa Malaysia Tan Sri Abdul Wahid Omar memberikan penerangan yang tepat tentang kepentingan faktor kelestarian apabila beliau mendedahkan realiti bahawa syarikat yang memilih untuk mengabaikan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) dalam perniagaan mereka pasti akan kehilangan peluang untuk mendapatkan pembiayaan ekuiti dan hutang bagi membiayai projek mereka.

Beliau juga percaya syarikat-syarikat ini perlu membayar premium insurans yang lebih tinggi untuk menaja jamin sebahagian daripada risiko yang dihadapi, malah menghadapi kesukaran untuk menarik bakat yang sesuai untuk mendorong perniagaan mereka.

Selain itu, syarikat-syarikat ini mungkin menghadapi cabaran untuk menjual produk mereka atau menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global disebabkan pelanggan semakin pandai menilai dan hanya memilih produk yang mampan pada masa hadapan.

Syarikat yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang memudaratkan alam sekitar atau tidak mempedulikan tanggungjawab sosial, bakal menyaksikan permintaan pasaran semakin berkurangan dalam jangka panjang.

## **ESG takkan pergi**

Isu ESG dan kelestarian bukanlah perkara baharu dalam dunia korporat Malaysia.

Pada tahun 2014, Bursa Malaysia telah memperkenalkan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia untuk mengiktiraf syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) yang mengambil langkah untuk menambah baik amalan dan penzahiran berkaitan ESG. Sejak itu, bilangan konstituen meningkat lebih tiga kali ganda daripada 24 pada tahun 2014 kepada 80 selepas semakan terakhir pada Disember 2021.

Bursa Malaysia seterusnya memperkenalkan Panduan Pelaporan Kelestarian yang memerlukan PLC menzahirkan penyata dan laporan kelestarian mereka setiap tahun yang merangkumi strategi dan pendekatan yang diambil untuk mengurus hal-hal penting berkaitan kelestarian dalam syarikat masing-masing.

Pada tahun 2021, Bursa Malaysia melancarkan Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia. Terdapat 54 konstituen patuh Syariah di bawah Indeks ini yang berjaya melepasi metodologi penyaringan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission, SC*).

Kepentingan isu kelestarian dan ESG kepada sesebuah syarikat semakin diberikan penekanan. Oleh yang demikian, SC telah mensyaratkan syarikat supaya menyepadukan pertimbangan berkaitan kelestarian dalam strategi korporat mereka yang melibatkan tadbir urus dan proses membuat keputusan, melalui pengenalan lima amalan baharu di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021.

### **ESG dan daya tahan seiringan**

Walaupun permulaan pandemik COVID-19 pada awal 2020 telah mencetuskan kejatuhan pasaran paling teruk sejak krisis kewangan global pada tahun 2008, pelabur yang memfokuskan kepada prinsip ESG dikatakan telah mendapat manfaat daripada dana ESG yang secara relatifnya berdaya tahan dan bertaraf tinggi.

Aset di bawah pengurusan (*asset under management, AUM*) dana ESG berkembang pesat sepanjang pandemik COVID-19, mencatatkan sejumlah AS\$94.2 bilion pada Jun 2021 berbanding AS\$30.8 bilion pada 2019, menurut firma perisikan pasaran Cerulli. Ini didorong oleh pelancaran dana baharu serta penjenamaan semula dana sedia ada kepada produk ESG.

Walaupun krisis kesihatan global telah mempercepat kesedaran dalam kalangan PLC Malaysia untuk menerima prinsip ESG, namun realitinya mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk mereka mempertimbangkan faktor ESG dalam proses membuat keputusan.

Ini adalah kerana spektrum ESG memaksa syarikat mengkaji semula strategi korporat jangka panjang, yang mana strategi ini bukan sahaja menjanjikan keuntungan yang lumayan malah melibatkan kemampunan atau usaha berterusan sesebuah perniagaan.

Sesebuah perniagaan juga perlu melihat melangkaui kebijaksanaan perniagaan konvensional yang mengutamakan keuntungan semata-mata untuk kekal relevan. Ini adalah kerana ESG boleh dianggap sebagai salah satu risiko kawal selia dari perspektif perniagaan.

Dana pelaburan global utama mensyaratkan syarikat penerima pelaburan supaya bebas daripada risiko ESG. Syarikat yang tidak menerapkan amalan ESG atau mematuhi matriks ESG akan menghadapi kesukaran untuk mengakses dana, selain menyaksikan kumpulan pelabur mereka semakin mengecil.

Bagi syarikat yang mengambil langkah proaktif untuk mematuhi ESG, inisiatif mereka ini akan diberikan ganjaran sewajarnya dengan peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Pada masa ini terdapat lebih 4,300 pelabur institusi global yang telah memeterai Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Principles for Responsible Investment, UNPRI*), yang boleh diakses oleh syarikat yang mematuhi prinsip ESG.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Khazanah Nasional Bhd adalah penandatangan UNPRI di Malaysia.

### **Kepentingan ESG dalam kalangan pelabur runcit**

Walaupun permintaan terhadap produk ESG di Asia Pasifik sebahagian besarnya didorong oleh pelabur institusi, namun pelabur runcit juga telah mula menzahirkan kecenderungan yang semakin meningkat dalam bidang ini.

Menurut laporan GlobeScan Radar 2021, kira-kira 40% pelabur runcit di seluruh dunia menyatakan yang mereka mempertimbangkan faktor ESG sebelum membuat keputusan pelaburan.

Pemegang saham Asia (terutamanya di China, Korea Selatan, Thailand dan Vietnam) berkemungkinan besar akan meningkatkan pelaburan ESG atau merancang untuk berbuat demikian, manakala kira-kira separuh pelabur Amerika Syarikat mendakwa telah meningkatkan pelaburan mereka dalam syarikat yang bertanggungjawab dari segi sosial dan alam sekitar.

Selain itu, lebih separuh pelabur global menyatakan "sangat penting" bagi syarikat tempat mereka melabur untuk menyediakan penggajian yang adil dan keadaan tempat kerja yang selamat dan hanya menghasilkan produk yang selamat dan sihat serta mengurangkan impak terhadap alam sekitar.

Walau bagaimanapun, pelabur runcit tidak begitu menekankan faktor ESG yang berkaitan menangani perubahan iklim, mengurangkan kemiskinan serta kepelbagaian dalam tenaga kerja dan pasukan pengurusan.

Secara keseluruhan, kira-kira satu pertiga daripada pelabur dalam 28 negara yang ditinjau menyatakan mereka telah meningkatkan pelaburan dalam syarikat yang bertanggungjawab dari segi sosial dan alam sekitar.

### **Kesedaran tentang isu ESG**

Pemegang saham minoriti perlu sedar kesan ESG terhadap saham dalam pegangan mereka atau saham yang berhasrat untuk dimiliki. Sesetengah PLC amat terdedah kepada implikasi ESG, terutamanya syarikat yang amat bergantung kepada buruh

(terutamanya pekerja asing) serta syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang meninggalkan jejak karbon yang tinggi seperti pembersihan hutan dan pelupusan bahan buangan yang cukup banyak. Malah produk pengguna tidak terkecuali, memandangkan sesetengah produk makanan mungkin mengandungi bahan berbahaya.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, semua PLC akan terkesan oleh penerapan ESG secara meluas di seluruh dunia, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pemegang saham minoriti perlu memberi perhatian terhadap langkah yang diambil oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan untuk menangani dan mengurus isu-isu berkaitan ESG.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 28 Februari hingga 4 Mac 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
28.02.22 (Isnin) 10.30 pagi	Brem Holdings Berhad (EGM)	Brem Holdings berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pelaksanaan pengurangan dan pembayaran balik modal terpilih.
03.03.22 (Khamis) 09.30 pagi	Notion VTEC Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM352.9 juta, 45% lebih tinggi berbanding pendapatan tahun kewangan 2020 yang berjumlah RM242.7 juta. Bagaimanapun, ia bertukar rugi apabila mencatatkan kerugian berjumlah RM7.8 juta berbanding keuntungan RM6.3 juta pada tahun kewangan 2020. Prestasi yang merosot ini disebabkan oleh kelewatan mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan, harga aluminium yang tinggi dan gangguan terhadap rantai bekalan global. Kekurangan tenaga buruh yang diakibatkan oleh

		jangkitan wabak menyebabkan kilang tidak dapat beroperasi pada skala penuh.
--	--	---

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
Notion VTEC Berhad (AGM)	<p>Bahagian perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronic manufacturing services, EMS</i>) Kumpulan mencatatkan peningkatan pendapatan. Walau bagaimanapun, ia melaporkan kerugian, terutamanya disebabkan oleh penolakan sejumlah produk baharu tertentu yang lebih tinggi daripada jangkaan, harga bahan mentah yang tinggi yang tidak dapat disalurkan kepada pelanggan dengan kadar segera serta gangguan akibat sekatan dan penutupan. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penolakan terhadap sesetengah produk baharu yang dinyatakan di atas?</p> <p>b) Apakah impak pertambahan dalam penolakan produk baharu ini kepada prestasi kewangan Kumpulan?</p> <p>c) Apakah langkah yang perlu diambil oleh Kumpulan untuk mengurangkan penolakan yang tinggi terhadap produk seumpama ini pada masa hadapan?</p>

### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau

*kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*